

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha serta inisiatif untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Keganasan rumah tangga dan Suruhanjaya Keganasan Terhadap Kanak-kanak memandangkan kes-kes penderaan kanak-kanak dan kes keganasan rumah tangga semakin meningkat. Jika tidak mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Keganasan Rumah tangga dan Suruhanjaya Keganasan Terhadap Kanak-Kanak memandangkan telah terdapat mekanisme sedia ada dari segi pelaporan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menangani keganasan rumah tangga dan kanak-kanak.

Bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan perlindungan kanak-kanak, Majlis Penyelarasan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kanak-Kanak 2001. Majlis ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dianggotai oleh jabatan Kerajaan berkaitan, pakar kanak-kanak, NGO dan juga kanak-kanak. Majlis ini bertanggungjawab memberikan nasihat kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak di samping menyelaraskan sumber pelbagai

jabatan Kerajaan yang terlibat dalam perlindungan kanak-kanak. Majlis ini juga memberikan nasihat tentang pengurusan dan operasi Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak di seluruh negara.

Sementara bagi kes keganasan rumah tangga pula, KPWKM dengan kerjasama sembilan (9) *stake holder* telah membangunkan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga. Garis panduan tersebut telah menyatakan dengan jelas akan peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga oleh agensi yang terlibat antaranya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Mahkamah. Sesi konsultasi antara 9 kementerian/agensi dan pihak NGO diadakan secara berkala bagi memastikan penyelarasan yang berterusan. Dalam pada itu, Kementerian juga sedang dalam proses semakan dan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang antara pindaannya adalah untuk meluaskan takrifan keganasan rumah tangga.

Dalam hal ini, sekiranya berlaku keganasan terhadap kanak-kanak, maka JKM melalui Pegawai Pelindung yang digazetkan akan menyelamatkan

kanak-kanak tersebut untuk ditempatkan dalam jagaan sementara bagi rawatan perubatan dan lain-lain program intervensi sekiranya perlu. Susulan itu, tindakan ke atas pelaku juga akan diambil oleh pihak berwajib bagi siasatan lanjut dan pendakwaan sekiranya berkaitan. Tindakan-tindakan yang diambil ini telah sedia termaktub dalam garis panduan dan *standard operating procedure (SOP)* bagi Pegawai Pelindung dalam menyelamat dan melindungi kanak-kanak.

Dalam pada itu, Talian KASIH dan *Childline* 15999 juga diwujudkan untuk memudahkan orang awam dan mangsa keganasan rumah tangga serta penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat. *Childline* 15999 merupakan talian tambahan bagi memberi perkhidmatan nasihat dan sembang-sembang kepada kanak-kanak yang dibelenggu masalah dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak.